

usaha pembangunan hutan

Malaysia **keluarkan** dokumen untuk **negara2** maju

KUCHING 13 Sept. — Malaysia akan mengeluarkan sebuah dokumen untuk mengajak semua negara di dunia termasuk negara-negara maju membangunkan hutan di negara mereka.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dokumen bertajuk: "**Penghijauan Dunia**" (the greening of the world) bukan sahaja bertujuan menunjukkan bahawa Malaysia sudah hijau tetapi negara-negara yang maju mesti berusaha menanam pokok-pokok membangunkan hutan di negara mereka.

Katanya, **banyak** kawasan di negara maju yang boleh dijadikan hutan melalui proses penanaman semula dan Malaysia bersedia membantu mereka.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berkata: "Kita akan bantu mereka dengan benih, bahan-bahan penanaman supaya mereka boleh **ada hutan tropika** di negara maju lengkap dengan nyamuk dan serangga yang **selalu menggigit** kita di sini serta juga penyakit-penyakit yang **dibawanya**."

Beliau berkata demikian dalam satu sidan alihbar di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini petang ini sebelum mengakhiri lawatan rasmi selama dua hari ke Sarawak.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, melalui dokumen itu, Malaysia mahu menunjukan kepada semua orang bagaimana, umpamanya, padang pasir di California dijadikan hutan tropika.

Katanya, kerajaan sedang menyiapkan dokumen tersebut dan akan diedarkan kepada mereka yang ingin mengetahui mengenai-

nya.

Mengenai dokumentari Alam Sekitar yang akan ditunjukkan sempena Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Negara Komanwel di Harare bulan depan, beliau berkata:

"Tujuan kita menerbitkan dokumentari itu ialah untuk membuktikan bahawa kita memang komited dengan Deklarasi Langkawi dan kita akan tunjuk **betapa** kita telah berusaha untuk **mengembalikan** keadaan alam sekitar di Malaysia berbanding dengan keadaan alam sekitar di negara-negara maju."

Katanya, **banyak** orang **tidak mahu mengikut apa** yang dinyatakan oleh kita (Deklarasi Langkawi), jadi kita akan siapakan dokumentari mengenainya.

Menjawab **satu pertanyaan** lain, Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, Malaysia mungkin tidak hadir ke persidangan kemuncak mengenai Alam Sekitar Sedunia di Brazil kerana persidangan itu bukan bertujuan mengatasi **masalah alam** sekitar.

Di samping itu, katanya, Malaysia mesti terangkan **rasa** tidak puas hatinya berhubung perkara itu.

Kata Perdana Menteri, **Mau ada persidangan yang betul-betul** bertujuan mengatasi **masalah alam** sekitar Malaysia sudah tentu akan menghantar wakilnya.

Sebaliknya, kalau ia cuma persidangan untuk menyalahkan negara membangun, beliau fikir persidangan tersebut tidak ada maknanya dan "kita mungkin tidak hadir."